



JABATAN PERANGKAAAN
MALAYSIA

BULETIN KHAS DOSM

Menangani COVID-19 di Malaysia

DOSM/BK/SEKTORAL/8.2020/SIRI 17

Buletin Khas DOSM (BKD) yang disediakan ini adalah berdasarkan kepada kompilasi DOSM *Intelligence Stats* (DIS) bagi tujuan input kepada Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) dan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), khusus pada setiap hari di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). DIS disediakan oleh DOSM Negeri dan juga Bahagian Butiran Perkara di Ibu Pejabat berdasarkan kajian ringkas berkaitan dengan perkembangan semasa dan kesannya kepada struktur sosial dan ekonomi di Malaysia.


BKD edisi kali ini merangkumi topik-topik berikut:

- Kajian Kes Impak PKP oleh DOSM di lapangan bagi negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak.
- Kajian Kes Impak PKP ke atas Ekonomi.
- Kajian Kes Kesan Pendapatan Penjaja Susulan PKP

Penafian:

Artikel dalam buletin khas ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara ad-hoc di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan buletin ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

RINGKASAN KAJIAN KES IMPAK PKP DI LAPANGAN: ZON UTARA



KAJIAN KES IMPAK PKP DI LAPANGAN: ZON UTARA

PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT

- Secara amnya, tiga daripada lima premis borong dan runcit ditutup di sepanjang tempoh PKP akibat bilangan pelanggan yang berkurangan selain telah melakukan *panic buying* sebelum PKP. Pengunjung *hypermarket/supermarket* berkurangan sebanyak 400 – 500 orang berbanding bulan yang sama 2019. Hasil jualan bagi sebuah *supermarket* utama di Kangar telah meningkat 15 peratus berbanding bulan yang sama tahun lalu ekoran *panic buying*, namun trend pengunjung semakin berkurangan – **Perlis**.



KAJIAN KES IMPAK PKP DI LAPANGAN: ZON UTARA (SAMB.)

PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT (SAMB.)

- Nilai jualan kenderaan bermotor dijangka akan mengalami penurunan sehingga 50 – 60 peratus. Stesen minyak masih beroperasi dengan kebanyakannya menghadkan bilangan pam. Nilai jualan stesen minyak di Langkawi dijangka jatuh 60- 70 peratus kesan pengurangan kemasukan pelancong dan pembelian bahan bakar oleh pengusaha jet ski dan bot akibat kurang permintaan – **Kedah**.
- 90 – 95 peratus kedai runcit & kedai serbaneka masih dibuka mengikut masa yang ditetapkan. *Panic buying* sebelum tempoh PKP menyebabkan isu pengurangan jualan pada masa ini. Kesan daripada PKP, pengurangan jualan dijangka sehingga 60 – 70 peratus. Lain-lain premis bukan perkhidmatan penting ditutup sepenuhnya di sepanjang tempoh PKP- **Pulau Pinang**.
- Stesen minyak masih beroperasi mengikut tempoh waktu yang ditetapkan. Hasil stesen minyak dijangka menurun pada Mac 2020 berikutan kurangnya perjalanan kenderaan oleh pengguna dan penurunan harga minyak pada setiap minggu. Namun, tiada pemberhentian pekerja dilaporkan. Dua pertubuhan utama aktiviti jualan borong alat ganti kenderaan bermotor di Perak melaporkan hasil perniagaan terjejas teruk sehingga pertengahan Mac 2020. Salah satu pertubuhan melaporkan hasil perniagaan terjejas teruk berikutan bengkel di bawah pertubuhan mereka tidak beroperasi. Manakala satu lagi pertubuhan melaporkan hasil pertubuhan ini terjejas teruk, jatuh hampir 60 peratus sehingga 17 Mac 2020 berbanding purata hasil sebulan sebelum ini. - **Perak**



MAKANAN & MINUMAN

- Pengusaha catering mengalami pengurangan hampir 80 peratus hasil pendapatan akibat pembatalan tempahan terutamanya majlis perkahwinan – **Perlis**.
- Pengusaha makanan & minuman hanya menawarkan perkhidmatan *take away* sahaja dan terdapat peningkatan dalam permintaan perkhidmatan penghantaran makanan. Pengurangan jualan dijangka di antara 70 – 80 peratus di sepanjang tempoh PKP. Selain itu, masih terdapat peniaga pasar malam yang masih beroperasi sekitar Air Itam – **Pulau Pinang**.
- Kedai makan yang dibuka hanya menawarkan perkhidmatan makanan yang dibungkus sahaja. Perniagaan menghadapi kerugian kerana telah membeli banyak bahan-bahan basah. Jualan bagi salah satu kedai nasi kandar terkenal di Ipoh juga telah turun sebanyak 50 peratus – **Perak**.



KAJIAN KES IMPAK PKP DI LAPANGAN: ZON UTARA (SAMB.)

PENGINAPAN

- Semua tempat tumpuan pelancong ditutup bagi mencegah penularan COVID-19. Kadar penghunian hotel di Langkawi di sepanjang tempoh PKP di sekitar 10 – 30 peratus. Kadar terendah yang pernah direkodkan adalah 3 peratus - **Kedah**.
- Pengusaha hotel terjejas teruk apabila pelancong terpaksa memendekkan atau membatalkan percutian ke Pulau Pinang. Sektor ini terjejas teruk dengan pengurangan jualan bilik melebihi 90 peratus. Nilai ditambah subsektor penginapan dianggarkan RM682 juta, menyumbang 1.5 peratus kepada Nilai ditambah sektor Perkhidmatan Pulau Pinang – **Pulau Pinang**.



PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KENDERAAN BERMOTOR

- Perkhidmatan mencuci dan menggilap kereta terjejas kerana hasil pendapatan bergantung kepada jumlah kereta dalam sehari, dan dilihat tidak beroperasi ekoran ketiadaan pengunjung. Secara kasar, perkhidmatan ini dilihat terkesan dengan pengurangan hampir 90 peratus daripada hasil pendapatan - **Perlis**



PENGANGKUTAN

- Pemandu teksi di Bayan Lepas paling terkesan kerana bergantung kepada penumpang ke/dari lapangan terbang. Pengguna juga dilihat lebih gemar menggunakan perkhidmatan e-hailing. Suasana sekarang memberi kesan langsung kepada pendapatan pemandu teksi terutama di Lapangan Terbang Bayan Lepas dan hentian KTM Bukit Tengah & Bukit Mertajam. – **Pulau Pinang**.



PERSATUAN PEDAGANG DAN PENGUSAHA MELAYU MALAYSIA (PERDASAMA) PERAK

- Kesan daripada PKP, usahawan/peniaga di Perak berhadapan isu-isu seperti terpaksa menghentikan jualan dan pengeluaran; stok bekalan sedia ada tidak boleh dipasarkan dan akan luput; kesukaran mendapatkan bekalan bahan mentah; dan ketidakmampuan untuk membayar liabiliti, sewa premis bulanan dan gaji pekerja.
- Sehubungan itu, PERDASAMA Perak mengesyorkan agar inisiatif atau bantuan dipertimbangkan oleh pihak kerajaan seperti penangguhan bayaran sewa premis PBT; menanggung sekurang-kurangnya separuh sewa bulanan premis swasta; memudahkan pembiayaan oleh agensi kerajaan; membantu pengurusan hutang sedia ada dengan bank komersial; pengecualian cukai; memperkasa perniagaan online; menggalakkan pelancongan; dan khidmat nasihat berkaitan perundangan dan perbankan – **Perak**.



SEKILAS FAKTA

Sebelum COVID-19, IMF mengunjurkan ekonomi dunia bertumbuh **3.3%** pada **2020** (2019: 2.9%)




Ekonomi Malaysia
ST4 2019
3.6%

54.6% sumbangan
**Perkhidmatan Penting Sektor
Perkhidmatan Swasta**
61% sumbangan **industri
pembuatan yang
dibenarkan beroperasi
semasa PKP**

Ekonomi Malaysia
2019
4.3%
(2018: 4.7%)



Sebelum COVID-19,
ekonomi Malaysia
ST1 2020
diunjurkan
bertumbuh **3.3%***



Sektor Pembuatan Januari 2020

Nilai jualan **▲3.3%**

67% sumbangan nilai jualan
Industri Perkhidmatan Penting

Stok **beras, ikan, ayam,
telur dan daging**
mencukupi untuk
sepanjang
tempoh PKP.



EKONOMI MALAYSIA DIJANGKA MEROSOT AKIBAT PKP

Dalam tempoh PKP, nilai ditambah (VA) dianggarkan berkurang RM17.3 bil. disumbangkan oleh sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan swasta bukan perkhidmatan perlu yang tutup semasa PKP.

Secara purata, ekonomi Malaysia dianggar akan kehilangan VA RM12.38 bil. bagi sektor perkhidmatan swasta dalam tempoh 2 minggu PKP. Kesimpulannya, jumlah VA bagi sektor pembuatan dan perkhidmatan swasta dianggar akan menyusut RM17.04 bil. Dengan pelaksanaan PKP, ekonomi Malaysia ST1 2020 dijangka susut 1.5 - 1.9 peratus.

Nilai jualan sektor Pembuatan dijangka akan menyusut sekitar 1.0 - 5.0 peratus pada Mac 2020 kesan penutupan kilang semasa PKP di samping kesan kejatuhan harga minyak dunia. Indeks Pembuatan turut dijangka akan mencatatkan pertumbuhan negatif bagi Februari dan Mac 2020

Industri yang dikelaskan sebagai perkhidmatan penting dijangka akan memacu pertumbuhan sektor Pembuatan sekitar 2.0 - 3.0 peratus. Manakala, bagi industri yang tidak beroperasi, dijangka akan mengalami kemerosotan nilai jualan secara purata sekitar 10 - 15 peratus. Secara keseluruhannya, prestasi negeri berorientasikan produk petroleum dan kimia diunjurkan merosot.

Bekalan makanan seperti ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan untuk kegunaan tempatan adalah mencukupi. Walau bagaimanapun jumlah eksport ke negara luar seperti Singapura dan China menunjukkan trend penurunan.

Nota:

* Menggunakan kaedah Holt-Winters



SEKILAS FAKTA



Penjaja

Sektor Informal

Kumpulan Industri 478

Retail sale via stalls and market

Kumpulan Industri 561

Restaurants and mobile food services activities

dengan anggaran pendapatan bernilai **RM14,926 juta setahun***

PENJAJA TUKAR STRATEGI PEMASARAN KEPADA PENGHANTARAN KE RUMAH

Pelaksanaan PKP selama 2 minggu dianggarkan akan menyebabkan nilai pendapatan kumpulan ini kehilangan sebanyak RM572.5 juta.

Berdasarkan Survei Tenaga Buruh & Gaji & Upah dianggarkan seramai 367.8 ribu orang pekerja dalam sektor ini dengan anggaran 158.6 ribu orang daripadanya adalah bekerja sendiri.

Purata pendapatan bagi peniaga ini dianggarkan RM1,330 sebulan bagi tahun 2019. Pelaksanaan dianggarkan akan menyebabkan pendapatan golongan berkurang 50 peratus daripada biasa. Berdasarkan tinjauan yang dibuat di sekitar Putrajaya, ada di antara mereka menukar kaedah perniagaan kepada *home delivery*.

Nota:

* Berdasarkan kerangka kerja SNA

PERANGI COVID-19



Patuhi arahan
Perintah
Kawalan
Pergerakan:
**DUDUK DI
RUMAH**

Kerap cuci
tangan
dengan air
dan sabun
atau gunakan
hand sanitizer

Jarakkan diri
1 meter
daripada
orang lain

